

XPRESE

NOT FOR SALE

library@yayasankrakya.com.my

HIDUP & BERJIWA

Barcelona kekal kota bersejarah memukau walau berdepan tekanan sebagai antara destinasi pelancongan tersibuk

JALAN-JALAN

Oleh Muhammad
Saufi Hassan

saufi@mediaprima.com.my

Bandar 'Barcelona' di Sepanyol mungkin sangat sinonim dengan nama sebuah kelab bola sepak bertaraf dunia, namun sebenarnya bandar ini menyimpan 1,001 sejarah serta pemandangan yang sangat unik.

Barcelona tidak hanya bandar metropolitan yang sesuai dengan bandar raya lain, tetapi ia menyimpan sejarah dan menjadi saksi waktu ketika era permulaan sehingga menjadi bandar moden ketika ini.

Kunjungan ke bandar kedua terbesar Sepanyol itu membuka satu sisi berbeza iaitu bandar Barcelona yang jarang diceritakan, kota yang masih memukau, tetapi kini berdepan tekanan sebagai antara destinasi pelancongan paling sibuk

di Eropah.

Barcelona terletak di pantai timur laut Sepanyol dan menjadi ibu kota Catalonia.

Kotanya tersusun, mudah diteroka berjalan kaki dan kaya seni bina.

Tetapi dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Barcelona turut menjadi contoh paling jelas bagaimana pelancongan boleh 'memenatkan' bandar.

Isu 'terlebih pelancongan' ('overtourism') bukan lagi sekadar rungutan kecil, ia menjadi perbincangan dasar apabila pihak bandar merancang langkah besar termasuk menghapuskan sepenuhnya rumah sewa pelancong ('holiday apartments') menjelang 2028 bagi mengawal kesan terhadap kos hidup dan perumahan penduduk tempatan.

Meskipun begitu, Barcelona tetap mempunyai tarikan yang kuat.

